



JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKA JANGKA PANJANG ( LRGS )

---

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E  
62505 PUTRAJAYA  
NO.TEL. : +603 - 8883 6543 / 6530  
NO. FAKS: +603 - 8883 6569

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)**

1.1 Falsafah	3
1.2 Definisi	3
1.3 Tujuan	3
1.4 Bidang Penyelidikan	3
1.5 Syarat-syarat Permohonan	4
1.6 Peraturan Permohonan	5
1.7 Kriteria Penilaian	7
1.8 Peraturan Kewangan	7
1.9 Hasil Penyelidikan	10
1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	11

### **BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)**

2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang	12
--	----

### **BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)**

3.1 Implementasi Projek	13
3.2 Pengawalan Projek	13

### **BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)**

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	16
---	----

### **BAHAGIAN 5 (PERANAN)**

5.1 Peranan Ketua Program	17
5.2 Peranan Ketua Projek	17
5.3 Peranan Penyelidik	17
5.4 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	17
5.5 Peranan Jawatankuasa Penilaian	18
5.6 Peranan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	18

# **BAHAGIAN 1**

## **PERMOHONAN**

### **1.1 FALSAFAH**

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* khususnya nic yang telah dikenalpasti.

LRGS dapat membina kerjasama keserakahan merentasi pelbagai institusi dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan fundamental dalam nic-nic tertentu.

### **1.2 DEFINISI**

LRGS adalah penyelidikan fundamental yang melibatkan skop lebih ekstensif; dan tempoh masa yang panjang serta memerlukan komitmen yang tinggi.

LRGS boleh menghasilkan teori dan idea baru yang terkehadapan dalam nic-nic yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu.

### **1.3 TUJUAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penjanaan teori, idea baru dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam nic-nic yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu.

### **1.4 BIDANG PENYELIDIKAN**

Pembiayaan geran LRGS meliputi bidang-bidang nic yang berimpak tinggi yang telah dikenalpasti. LRGS terbahagi kepada 2 mod, iaitu mod **atas ke bawah** dan mod **bawah ke atas**.

Bidang-bidang penyelidikan **nic atas ke bawah** adalah:-

- i. Pemanasan global
- ii. Penyakit berjangkit

- iii. Perubatan tropika
- iv. Keselamatan Tenaga & Air
- v. Kecukupan makanan
- vi. Pembuatan termaju dan tambah nilai
- vii. Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT)

Bidang-bidang penyelidikan **bawah ke atas boleh terdiri daripada tujuh (7) bidang penyelidikan nic di atas atau nic-nic lain yang boleh diajukan.**

## 1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dan IPTS dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.5.1 Penyelidikan LRGS melibatkan 2 mod iaitu atas ke bawah dan bawah ke atas. Hanya Universiti Penyelidikan (UP) boleh menerajui penyelidikan atas ke bawah manakala bawah ke atas terbuka kepada semua IPT.
- 1.5.2 Projek mestilah melibatkan pelbagai institusi dengan minimum 3 institusi.
- 1.5.3 Projek mestilah bersifat multi disiplin, melibatkan korpus ilmu sains & teknologi dan sains sosial & kemanusiaan.
- 1.5.4 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.
- 1.5.5 Setiap Universiti Penyelidikan hanya dibenarkan menerajui tidak melebihi 2 program nic atas ke bawah.
- 1.5.6 Hanya warganegara Malaysia boleh menerajui program LRGS. Setiap individu hanya dibenarkan mengetuai satu program LRGS.
  - 1.5.6.1 Kakitangan akademik tetap (Profesor dan Profesor Madya).
  - 1.5.6.2 Bagi kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara bertaraf tetap.

1.5.7 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-

1.5.7.1 Hanya warganegara Malaysia boleh menerajui program LRGS. Setiap individu hanya dibenarkan mengetuai satu program LRGS.

1.5.7.2 Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara.

1.5.8 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan hanya satu permohonan program pada setiap fasa.

#### 1.5.9 Tempoh Penyelidikan

Tempoh Penyelidikan projek atas ke bawah dan projek bawah ke atas adalah 3 hingga 5 tahun.

Pemantauan dilakukan setiap tahun. Sekiranya projek tidak memperlihatkan kemajuan yang sepatutnya ia boleh ditamatkan.

Penyambungan tertakluk kepada kecemerlangan progres/hasilan dan kewujudan dana.

1.5.10 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

1.5.11 Ketua Program/Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

### 1.6 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang akan melalui dua (2) fasa seperti berikut:

- i. Pengajuan kertas konsep untuk penilaian awal
- ii. Permohonan lengkap menggunakan **Borang LRGS-A1(R)-Program dan LRGS-A1(R)-Projek** bagi kertas konsep yang telah berjaya.

### 1.6.1 Projek atas ke bawah:-

- 1.6.1.1 Melalui pencarian *scival-spotlight* atau instrumen yang setara, KPT akan mengenalpasti Universiti Penyelidikan (UP) yang layak untuk memohon dalam bidang nic tertentu.
- 1.6.1.2 Permohonan dibuat dengan mengajukan kertas konsep dalam bidang nic tidak melebihi 5 muka surat dengan format yang ditetapkan.
- 1.6.1.3 Pembentangan kertas konsep oleh Ketua Program bersama ketua-ketua projek akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.

Mereka yang kertas konsepnya yang berjaya hendaklah menghantar borang permohonan lengkap menggunakan Borang **LRGS-A1(R)-Program** dan **LRGS-A1(R)-Projek** (Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang bagi Ketua Program dan Ketua-ketua Projek dalam Program) yang terkini daripada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

### 1.6.2 Projek bawah ke atas:

- 1.6.2.1 Universiti Penyelidikan (UP) dan lain-lain Universiti boleh mengemukakan kertas konsep dalam bidang-bidang bukan nic.
- 1.6.2.2 Permohonan dibuat dengan mengajukan kertas konsep dalam bidang nic tidak melebihi 5 muka surat dengan format yang ditetapkan.
- 1.6.2.3 Pembentangan kertas konsep oleh Ketua Program bersama ketua-ketua projek akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.
- 1.6.2.4 Mereka yang kertas konsepnya berjaya hendaklah menghantar borang permohonan lengkap menggunakan **LRGS-A1(R)-Program** dan **LRGS-**

**A1(R)-Projek** (Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang bagi Ketua Program dan Ketua-ketua Projek dalam Program) yang terkini daripada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

- 1.6.3 Semua permohonan LRGS termasuk kertas konsep hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti yang menerajui projek. Setiap permohonan sub-projek mestilah melalui RMC universiti masing-masing. Laporan semakan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia LRGS, KPT bersama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dihantar ke KPT.
- 1.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS bersama sumber lain, penyelidik mestilah mengisyiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## 1.7 KRITERIA PENILAIAN

- 1.7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan fundamental yang dapat menghasilkan suatu teori, idea baru dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam nic yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu; dan
- 1.7.2 Penyelidikan yang dapat memantapkan kecemerlangan dan mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang *cutting edge*, khususnya nic yang telah dikenalpasti; dan
- 1.7.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.7.4 Penyelidikan yang benar-benar berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

## 1.8 PERATURAN KEWANGAN

### 1.8.1 Vot 11000

(Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)).

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2500 untuk pelajar PhD dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

#### 1.8.2 **Vot 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

1.8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.8.2.2 Perjalanan ke luar negara (**berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian**) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Penyelidik utama sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan dan sangkutan dalam kontek jaringan penyelidikan.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak sepuluh peratus (10%) dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 25 peratus (25%) daripada jumlah keseluruhan projek.

#### **1.8.3 Vot 24000**

(Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

#### **1.8.4 Vot 27000**

(Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

#### **1.8.5 Vot 28000**

(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

#### **1.8.6 Vot 29000**

(Perkhidmatan Ikhtisas)

Vote ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek sekali sahaja untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 5% dari peruntukan Geran.

### **1.8.7 Vot 35000**

(Aksesori dan Peralatan)

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

## **1.9 HASIL PENYELIDIKAN**

### **1.9.1 Hasil Penyelidikan LRGS**

#### **1.9.1.1 Modal Insan**

Setiap Projek Penyelidikan yang dipohon mesti dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam PSPTN. Sehubungan dengan itu, bagi:-

Projek atas ke bawah dan bawah ke atas disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya 10 pelajar PhD (untuk projek 3 tahun)

#### **1.9.1.2 Penerbitan**

*50 papers (3 tahun)*

Penghargaan kepada geran LRGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

#### **1.9.1.3 Hak Harta Intelek**

Bagi projek yang dibiayai oleh LRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek hasil geran LRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT berkenaan. Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPT berkenaan.

3 IP (setiap program) – *number of researchers with Citation Index of 100)*

#### 1.9.1.4 Hasil Pengkomersilan

Sebarang hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut. Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada. Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

### 1.10 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

#### 1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental Jangka Panjang (LRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

## **BAHAGIAN 2**

### **PENILAIAN**

#### **2.1 PENILAIAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PANJANG (LRGS)**

- 2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang IPT akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 2.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPT untuk diluluskan.
- 2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

## **BAHAGIAN 3**

### **PEMANTAUAN**

#### **3.1 IMPLEMENTASI PROJEK**

3.1.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Jangka Panjang IPT perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

#### **3.2 PENGAWALAN PROJEK**

3.2.1 Setiap IPT yang menjadi peneraju kepada nic perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia LRGS, KPT laporan prestasi dan laporan kewangan projek penyelidikan LRGS kepada pihak KPT, setiap tahun. Borang-borang laporan terdiri daripada:-

- i. Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek
  - Laporan Prestasi projek penyelidikan jangka panjang di bawah Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS); dan
  - untuk diisi oleh setiap ketua program (LRGS-P1(R)-Program) dan ketua-ketua projek dalam program (Borang LRGS-P1(R)-Projek); dan
  - bagi Borang LRGS-P1(R)-Projek, perlu dihantar kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan di IPT masing-masing dan seterusnya dipanjangkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju untuk dikumpul dan dimajukan kepada Urus Setia LRGS;
  - bagi Borang LRGS-P1(R)-Program, perlu dihantar kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju masing-masing dan seterusnya dipanjangkan kepada Urus Setia LRGS dengan menyertakan sekali borang-borang prestasi yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program (Borang LRGS-P1(R)-Projek); dan

- perlu disertakan juga bersama-sama dengan Borang LRGS-P2(RMC), Borang LRGS-K1(RMC) dan Borang LRGS-K2(RMC).
- ii. Borang LRGS-P2(RMC)
- Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental Jangka Panjang (LRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT peneraju; dan
  - dihantar kepada Urus Setia LRGS, KPT setiap tahun; dan
  - diisi oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju sebanyak satu (1) salinan; dan
  - perlu disertakan bersama-sama Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program, Borang LRGS-K1(RMC) dan Borang LRGS-K2(RMC).
- iii. Borang LRGS-K1(RMC)
- Ringkasan Prestasi Kewangan bagi Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT; dan
  - diisi oleh pengurusan penyelidikan IPT peneraju masing-masing; dan
  - perlu disertakan bersama-sama Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program, Borang LRGS-P2(RMC) dan Borang LRGS-K2(RMC).
- iv. Borang LRGS-K2(RMC)
- Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT peneraju; dan
  - diisi oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan di IPT peneraju masing-masing; dan
  - perlu disertakan bersama-sama Borang LRGS-P1(R)-Program dan Borang LRGS-P1(R)-Projek yang diisi oleh ketua-ketua projek dalam program, Borang LRGS-P2(RMC) dan Borang LRGS-K1 (RMC).
- v. Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format yang disediakan.

- 3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut milestone bagi setiap enam bulan dan kewangan bagi setiap suku tahunan kepada RMC IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.
- 3.2.3 Pemantauan tahunan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Penilaian di peringkat KPT.
- 3.2.4 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pengurusan penyelidikan setiap IPT.
- 3.2.5 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

## **BAHAGIAN 4**

### **KEPUTUSAN**

#### **4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT peneraju.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan LRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk LRGS.

## **BAHAGIAN 5**

### **PERANAN**

#### **5.1 PERANAN KETUA PROGRAM**

Ketua Program bertanggungjawab:

- i. Membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan LRGS; dan
- iv. mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

#### **5.2 PERANAN KETUA PROJEK**

Ketua Projek bertanggungjawab:

- i. Membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan kepada Ketua Program melalui RMC IPT masing-masing; dan
- iv. mengurus projek dan penyelidik.

#### **5.3 PERANAN PENYELIDIK**

Penyelidik bertanggungjawab:

- i. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- ii.

#### **5.4 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

RMC bertanggungjawab:

- i. Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan; dan pemprosesan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan LRGS; dan

- ii. memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan garis panduan LRGS; dan
- iii. mengurus aset daripada dana geran penyelidikan.

## **5.5 PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN**

Panel Penilai bertanggungjawab:

- i. Menilai kertas konsep; dan
- ii. menilai permohonan; dan
- iii. menilai prestasi projek penyelidikan; dan
- iv. membuat cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berasaskan kepada prestasi.

## **5.6 PERANAN JABATAN PENGAJIAN TINGGI (JPT)**

JPT bertanggungjawab:

- i. Memastikan kecukupan dan kelestarian dana LRGS; dan
- ii. mengenalpasti kumpulan penyelidik melalui *scival-spotlight* atau setara bagi setiap nic atas ke bawah; dan
- iii. melantik panel penilai LRGS; dan
- iv. meluluskan serta menawarkan projek kepada penyelidik yang berjaya.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA FRGS**  
**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT**  
**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
**ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E**  
**62505 PUTRAJAYA**  
**NO.TEL.: +603 – 8883 6543/6530**  
**NO. FAKS: +603 – 8883 6569**  
**EMEL: [lrgsbpki@mohe.gov.my](mailto:lrgsbpki@mohe.gov.my)**